



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
يونیورسitiٰ اسلام انتار بعثتا ملیسیا

KULLIYYAH OF LANGUAGES AND MANAGEMENT

IYSJL

**INTERNATIONAL  
YOUNG SCHOLARS**  
JOURNAL OF LANGUAGE

VOLUME 2, NO.1, OCTOBER 2017



Copyright ©2017  
International Young Scholars Journal of  
Language  
(IYSJL)  
Kuala Lumpur, Malaysia

Copying of further publication of the  
contents of this work is not permitted without  
permission from IYSJL, except for limited "fair  
use" for educational scholarly, and similar  
purposed as authorized by Malaysia Copyright  
Law, in which appropriate notice of the source  
of work should be given. No responsibility  
contained in the text, illustrations or  
advertisement. The opinions expressed in the  
articles are not necessarily those of the Editor  
of the publisher.

PUBLISHER:  
Kulliyyah of Languages and Management (KLM)  
International Islamic University Malaysia (IIUM)  
Jalan Gombak, Selangor Darul Ehsan  
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur  
Malaysia.  
[www.iium.edu.my/klm/iysjl](http://www.iium.edu.my/klm/iysjl)

Month(s) of publication: September and  
December

ISSN 0128-2565  
©2017 International Islamic University Malaysia

## EDITORIAL

### EDITOR-IN-CHIEF:

Prof. Dr. Nuraihan Mat Daud, International  
Islamic University Malaysia (IIUM)

### EDITOR:

Nor Zainiyah Norita Mokhtar (PhD), International  
Islamic University Malaysia (IIUM)

### EDITORIAL BOARD:

- Geff Green (PhD), Sheffield Hallam  
University (SHU). United Kingdom.
- Jaime Chung (PhD), Mahidol University,  
(MUIC) Thailand
- Paitoon Masmintrachaiyanara (PhD),  
International Islamic University Malaysia  
(IIUM)
- Abdalla Mohamed Adam Kheir (PhD),  
International Islamic University Malaysia  
(IIUM)

## TABLE OF CONTENT

---

### PART ONE: ENGLISH 1

---

Please speak up! : Exploring non-native speakers' perceptions of their unwillingness to communicate in a foreign classroom setting 3

■ Ji- Hye Jaime Chung & Mark Payne

Flouting of Gricean Maxims in Malaysian Advertisements 11

■ Nursyakira Md Akim & Nor Shidrah Mat Daud

---

### PART TWO: MALAY 21

---

Dimensi Perancangan Tersembunyi Dalam Novel Pasungan 23

■ Rafhana Naiema Binti Kairol Azaha & Mohamad Zuber Ismail

Kesantunan Berbahasa Dalam Rancangan Bual Bicara di IKIMfm. 35

■ Ainul Afiqin binti Abdul Aziz & Arina Johari

---

### PART THREE: ARABIC 1

---

(الصور الجمالية في إلإذاعة المجزأة (دراسة أسلوبية على مستوى الانزياح الدلالي) 3

■ Marwa Abdul Ghaffar & Salih Eltingari

اتجاهات طلبة اللغة العربية وآدابها الماليزيين بجامعة آل البيت نحو الأفلام المدبلجة إلى العربية في تطوير مهارة المحادثة 19

■ Shariffah Adila & Mohd Azrul Azlen

# KESANTUNAN BERBAHASA DALAM RANCANGAN BUAL BICARA DI IKIMFM.

**Ainul Afiqin binti Abdul aziz**

Emel: [lunia.niqifa98@gmail.com](mailto:lunia.niqifa98@gmail.com)

**Arina Johari**

[arinajr@iium.edu.my](mailto:arinajr@iium.edu.my)

## ABSTRAK

Makalah ini akan mengenal pasti pola kesantunan berbahasa rancangan bual bicara *Celik Mata Reset Minda Pengguna Laman Sosial* di radio IKIMfm. Kajian berfokus pada dialog dua peserta perbualan dalam struktur pengenalan, iaitu pengacara dan tetamu undangan tetap ketika memulakan rancangan dengan mengaplikasi beberapa metod antaranya analisis teks, transkripsi dan kaedah kuantitatif. Sebanyak sembilan dialog dalam struktur pengenalan dianalisis menggunakan kerangka Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dan Prinsip Kerjasama (PK) Grice (1975). Dapatkan kajian menunjukkan peserta perbualan mematuhi strategi Kesantunan Positif dan Kesantunan Negatif mewakili model Brown dan Levinson serta maksim Kuantiti dan Relevan mewakili PK Grice. Strategi Kesantunan Positif mendominasi keseluruhan ujaran peserta agar situasi bebas konflik dapat dicapai. Dapatkan kajian turut memperlihatkan strategi dan maksim yang diaplikasi amat signifikan dalam menzahirkan kesantunan sebenar peserta bual bicara secara lebih komprehensif. Walau bagaimanapun, dapatkan ini masih lagi bersifat tentatif kerana hanya sebahagian sahaja data yang dianalisis bagi penulisan makalah ini.

Kata Kunci: Rancangan bual bicara; strategi kesantunan, prinsip kejayaan, situasi bebas konflik.

## PENDAHULUAN

Media massa terutama media elektronik seperti radio memainkan peranan yang cukup signifikan sebagai salah satu wahana penyebaran bahasa yang betul, halus dan persis. Hal ini demikian kerana media tidak dapat lari daripada menggunakan bahasa untuk menyampaikan maklumat secara tepat dan pantas kepada khalayak. Lebih-lebih lagi, keterbukaan peranan media hari ini yang menyediakan peluang dan ruang kepada pendengar untuk terlibat dalam aktiviti melibatkan penggunaan dan pemakaian bahasa secara langsung telah meletakkan aspek kesantunan sebagai elemen penting yang harus menjadi amalan setiap ahli yang terlibat dalam sesuatu rancangan. Oleh itu, budaya berbahasa, perilaku dan corak pemikiran pengamal media merupakan hal yang sering dibahaskan dan menimbulkan stigma negatif dalam kalangan khalayak pendengar jika didapati tidak selari dengan kehendak dan nilai-nilai budaya masyarakat setempat.

Dalam hal ini, kebolehan warga media untuk menjaga tutur kata, mengekalkan keharmonian dan menyantuni pendengar sepanjang rancangan berlangsung dapat memberi imej yang baik kepada media yang diwakili serta mempengaruhi gaya berbahasa dan berkomunikasi dalam kalangan masyarakat. Penguasaan aspek kesantunan oleh setiap warga media pula akan memanifestasikan kewibawaan, kehalusan budi pekerti dan kebijaksanaan ketika mengungkapkan bicara serta buah fikiran seterusnya berupaya meningkatkan nilai rancangan di mata khalayak pendengar.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis pola kesantunan berbahasa yang dipraktikkan oleh dua peserta perbualan, iaitu pengacara Maslina Alias dan tetamu undangan tetap Prof. Muhyah dalam rancangan bual bicara radio berbentuk motivasi diri bertajuk Celik Mata Reset Minda Pengguna Laman Sosial di stesen radio IKIMfm.

## KAJIAN LEPAS

Perbahasan dan perdebatan mengenai kesantunan linguistik tidak hanya terbatas dalam kasus bahasa yang bersifat bebas dan santai, malah telah turut diperluas kajiannya dalam peristiwa-peristiwa bahasa yang lebih teratur dan berstruktur seperti rancangan bual bicara radio. Namun begitu, kebanyakan kajian strategi kesantunan berbahasa dalam rancangan bual bicara radio dilakukan oleh pengkaji luar dengan berfokus kepada bidang pragmatik yang

khusus. Pengkaji-pengkaji seperti Louise Mullany (1998), Suko Winarsih (2009), Milan Ferenčík (2007) dan Irma B. Pakpahan (2012) telah melakukan kajian terhadap rancangan bual bicara berbentuk panggilan masuk (*phone-in*) dengan melihat aspek strategi persetujuan peserta, kesantunan berdasarkan jantina, aspek kerjasama dan pengkategorian keahlian. Walaupun menggunakan korpus bual bicara radio yang agak hampir dengan kajian ini, pengkaji-pengkaji ini didapati tidak berfokus kepada analisis terhadap strategi kesantunan secara persis dalam

ujaran peserta sebaliknya hanya menumpukan kepada aspek-aspek yang menjurus kepada analisis perbualan semata-mata.

Begitu juga dengan kajian oleh Andrea DeCapua et.al. (1993), Inna Kouper (2010) dan Goldsmith (2000) yang mengkaji ujaran peserta ketika meminta dan memberi nasihat dalam konteks perbualan radio berbentuk nasihat dan komuniti dalam talian. Kajian-kajian mereka memberi tumpuan terhadap aspek analisis perbualan, implikatur ujaran peserta perbualan serta kelangsungan ujaran menasihat tanpa kecenderungan menganalisis aspek strategi kesantunan dalam ujaran meminta dan memberi nasihat yang terdapat dalam wacana yang dikaji secara komprehensif.

Di Malaysia pula, masih tidak banyak kajian kesantunan dalam media dijalankan khusus untuk melihat strategi kesantunan oleh peserta perbualan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Satu kajian telah dilakukan oleh Siti Nurbaya Mohd. Nor (2011) dengan menganalisis strategi menunjukkan ketidaksetujuan oleh masyarakat Melayu yang bertutur bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dalam bual bicara radio. Beliau mendapati peserta perbualan dalam rancangan tersebut mempunyai banyak kemungkinan dan kecenderungan untuk menunjukkan ketidaksetujuan atau pertentangan pendapat ketika berkomunikasi. Sebelum itu, Abdul Ganing Laengkang (2010) ada mengkaji tentang strategi kesantunan berbahasa dalam ceramah motivasi yang dikendalikan oleh pakar motivasi, Prof. Dato Dr. Hj Mohd. Fadzilah Kamsah dan didapati agak hampir dengan kajian ini. Namun begitu, kajian beliau masih tidak menggunakan korpus rancangan

bual bicara radio berbentuk motivasi diri yang berorientasi panggilan masuk sebaliknya mengambil ceramah motivasi yang diterbitkan dalam bentuk cakera padat.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dibincangkan, didapati masih belum begitu banyak kajian mengenai kesantunan yang melihat ciri-ciri atau strategi-strategi kesantunan daripada perspektif masyarakat Melayu secara tepat dan menyeluruh. Zaitul Azma (2011) pernah mengatakan bahawa hasil kajian terdahulu lebih banyak memberi tumpuan pada kesantunan dalam kalangan masyarakat yang berhubung kait dengan keluarga dan budaya. Pendapat beliau ini membuktikan bahawa belum ada satu kajian yang benar-benar melihat strategi kesantunan dalam konteks bual bicara radio bercorak motivasi diri dilakukan untuk memaparkan tujuan ujaran dan kaitannya dengan konsep penjagaan muka bagi genre tersebut. Justeru, kajian ini perlu dijalankan supaya dapat memperlihatkan aspek strategi kesantunan yang diaplikasi oleh setiap peserta perbualan rancangan bual bicara bercorak motivasi diri dalam ranah media penyiaran berbentuk kerohanian secara komprehensif dan holistik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini mengaplikasi beberapa kaedah, iaitu:

- 1) kajian pustaka,
- 2) memuat turun (*download*) bahan,
- 3) membuat transkripsi dan
- 4) analisis teks yang menggunakan tiga kaedah, iaitu

- i) penstrukturran rancangan bual bicara,
- ii) pengklasifikasian dialog, dan
- (iii) mengenal pasti kata kunci.

Analisis setiap dialog dilakukan dengan mengaplikasiduakerangkateori, iaitu Model Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dan Prinsip Kerjasama oleh Grice (1975). Setiap dialog dianalisis untuk menentukan strategi dan maksim yang bersesuaian.

## **BAHAN KAJIAN**

Kajian ini akan menganalisis wacana media dalam bentuk bual bicara terbitan IKIMfm yang diambil daripada laman sesawang *Youtube*, iaitu “*Celik Mata, Reset Minda Pengguna Laman Sosial*”. Analisis akan berfokus kepada bahagian pengenalan dalam struktur pengenalan dengan melibatkan sembilan dialog. Dua orang peserta terlibat, iaitu pengacara Maslina Alias dan Profesor Dr. Muanya Mohamad selaku tetamu undangan tetap. Jumlah dialog dalam kajian ini merujuk bentuk ujaran lisan oleh seseorang peserta/ahli panel yang boleh menyamai jumlah satu ayat ataupun lebih dalam sesuatu konteks perbualan.

## **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini hanya menumpukan analisis terhadap bahagian pengenalan struktur pengenalan yang melibatkan sembilan dialog. Selain itu, kajian ini akan turut mengambil kira tiga aspek, iaitu:

1. ujaran bukan leksikal - *hmm, mmm, ya, aa, hm mm* (dikenal pasti sebagai *fillers* dalam *Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistics* (2002, hlm 200)
2. unsur percampuran kod - bentuk lazim daripada penggunaan kata pinjaman bahasa Inggeris, bahasa Arab dan dialek,
3. bentuk bukan lazim - istilah-istilah dalam bahasa Inggeris yang digunakan untuk merujuk aspek motivasi diri. Ujaran peserta yang mengandungi peralihan kod atau menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya tidak akan diambil kira dalam kajian ini.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Analisis terhadap bahagian pengenalan dalam struktur pengenalan bual bicara memperlihatkan pengaplikasian terhadap strategi Brown dan Levinson (B&L) (1987) dan maksim PK Grice (1975) oleh peserta perbualan ketika mengetengahkan ujaran masing-masing. Strategi B&L diwakili oleh strategi Kesantunan Positif dan Kesantunan Positif manakala maksim PK memperlihatkan aplikasi terhadap satu maksim sahaja, iaitu maksim Kuantiti. Dapatan analisis tersebut dipaparkan secara terperinci melalui lima kolumn seperti dalam Jadual 1 di bawah, iaitu kolumn 1 – strategi/ maksim, kolumn 2 - substrategi, kolumn 3 - implikatur, kolumn 4 - ungkapan/ujaran, dan kolumn 5 - dialog.

## JADUAL 1: STRUKTUR PENGENALAN – STRATEGI DAN MAKSIM

| 1                  | 2                             | 3                                    | 4   | 5   |
|--------------------|-------------------------------|--------------------------------------|---|---|
| STRATEGI           | SUBSTRATEGI                   | IMPLIKATUR                           | UNGKAPAN                                    | DIALOG  |
| Kesantunan Positif | Memberi Perhatian             | Memberi penghargaan kepada seseorang | Kembali bersama<br>Terima kasih             | Pengacara: <b>Kembali bersama</b> di IKIMfm pilihan utama anda dan <b>terima kasih</b> kepada anda terus setia bersama dengan kami.   |
|                    |                               | Mengalu-alukan seseorang             | Selamat datang<br>Assalamualaikum           | Pengacara: Jadi kita ucapan selamat datang, Assalamualaikum, Prof.  |
|                    | Melebihkan Perhatian          | Bersikap prihatin                    | Sihat ya                                    | Pengacara: <b>Sihat</b> ya hari ni?   |
|                    | Meningkatkan minat pendengar  | Menarik perhatian pendengar          | Seronok sangat                              | Pengacara: Aa: ni mesti ramai sangat ibu bapa yang <b>seronok sangat</b> dengan topik hari ini terutamanya.   |
|                    | Memberi Persetujuan           | Secara tidak langsung                | Waalaikum salam syukur                      | Tetamu undangan: <b>Waalaikum salam</b> Mas. Terima kasih alhamdulillah.<br>Tetamu undangan: <b>Syukur</b> alhamdulillah.<br>Tetamu undangan: [Sama-sama, Mas]  |
|                    |                               | Memahami pendengar                   | Saya pasti ramai yang sedang menunggu       | Pengacara: Untuk setiap minggu dan saya <b>pasti ramai yang sedang menunggu</b> pada waktu ini ya.  |
|                    | Memberi Tawaran /Janji        | Berjanji kepada seseorang            | Insya Allah                                 | Pengacara: <b>Alhamdulillah</b> kita kembali pada waktu ini untuk slot aspirasi insya-Allah bertemankan saya, Maslina Alias untuk edisi hari Rabu. Dan <b>insya-Allah</b> kita akan bersiaran hingga ke akhir nanti.  |
| Kesantunan Negatif | Menggunakan kata-kata pelunak | Menyuruh seseorang                   | Jadi kita nak minta a:<br>Silakan           | Pengacara: Aa: <b>jadi kita nak minta a:</b> Prof berikan mukadimah dulu untuk topik kita ni. Silakan.  |
|                    | Memberi Penghormatan          | Memuliakan seseorang                 | Yang Berbahagia<br>Profesor Dr              | Pengacara: Aa:: dan bersama kita seperti biasa <b>Yang Berbahagia Profesor Dr Muhaya Mohamad.</b>   |
| Maksim             | Kuantiti                      | Memberi maklumat berbentuk fakta     | Segmen<br>Topik<br>Telefon kami<br>Facebook | Pengacara: Dan apapun para pendengar, seperti biasa untuk anda yang bersama kami dah tak sabar-sabar untuk mengikuti <b>segmen</b> kita yang pertama, iaitu segmen Islam itu Indah.<br>Pengacara: Untuk nak dengarkan apa pula <b>topik</b> kita pada hari ini. Dan satu lagi topik kita pilih pada hari ini iaitu Celik Mata Reset Minda Pengguna Laman Sosial.<br>Pengacara: Kepada para pendengar yang mungkin ada persoalan a: <b>boleh telefon kami</b> sebentar lagi 03-62051500 dan juga jangan lupa untuk anda yang ingin a: menghantar soalan melalui <b>facebook kami</b> boleh ke facebook kami iaitu Ikim.fm. |

Berdasarkan Jadual 1 di atas, strategi Kesantunan Positif diaplikasi oleh peserta perbualan melalui enam substrategi, iaitu substrategi (i) memberi perhatian yang ditandai oleh perlakuan pengacara menghargai dan mengalu-alukan pendengar yang sedang mengikuti siaran ketika itu melalui ungkapan *kembali bersama* dan *terima kasih*, (ii) melebihkan perhatian yang dikenal pasti melalui perlakuan pengacara bersikap prihatin terhadap lawna tutur yang dimanifestasikan melalui pertanyaan tentang kesihatan tetamu undangan menggunakan ungkapan *sihat ya*, (iii) meningkatkan minat pendengar yang ditandai oleh perlakuan pengacara menarik perhatian pendengar menggunakan ungkapan *seronok sangat* untuk menggambarkan topik yang diilah sangat menarik, (iv) memberi persetujuan yang dikenal pasti melalui perlakuan tetamu undangan bersetuju secara tidak langsung terhadap pengacara dengan menjawab salam menggunakan ungkapan berciri keislaman, iaitu *wa'alaikum salam* dan *syukur*, (v) meningkatkan kefahaman terhadap kehendak pendengar yang diperliahkan melalui perbuatan memahami situasi yang dihadapi oleh pendengar waktu itu menggunakan ungkapan *saya pasti ramai yang sedang menunggu*, dan substrategi (vi) memberi tawaran/ berjanji yang ditandai oleh tindakan berjanji kepada pendengar untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap rancangan menggunakan ungapan berciri keislaman, iaitu *insya-Allah*.

Selain itu, strategi Kesantunan Negatif pula diaplikasi melalui dua substrategi, iaitu substrategi Menggunakan kata-kata pelunak dan memberi penghormatan.

Substrategi Menggunakan kata-kata Pelunak dimanifestasikan melalui perlakuan menyuruh pendengar melakukan sesuatu perkara secara berhemah dengan melembutkan suruhan menggunakan ungkapan *jadi kita nak minta a*: dan ungkapan *silakan*. Manakala substrategi **Memberi penghormatan** ditandai oleh tindakan memuliakan pendengar menggunakan ungkapan ***Yang Berbahagia Profesor Dr*** untuk merujuk tetamu undnagan ketika memperkenalkannya kepada khalayak pendengar.

Selanjutnya, maksim Kuantiti diaplikasi oleh peserta yang ditandai oleh perbuatan memberikan maklumat yang berinformatif dan jelas kepada khalayak pendengar. Maksim ini terdapat dalam dialog oleh pengacara ketika memperkenalkan rancangan kepada khalayak pendengar yang ditandai melalui penggunaan ungkapan segmen (*segmen Islam Itu Indah*), topik (*topik kita pilih hari ini, iaitu Celik Mata Reset Minda Pengguna Laman Sosial*), no talian telefon untuk dihubungi (*boleh telefon kami sebentar lagi 03-62051500*) dan laman facebook (*boleh ke facebook kami, iaitu IKIMfm*).

## KESIMPULAN

Dapatan analisis memperlihatkan dua peserta dalam struktur pengenalan strategi dalam Model Kesantunan B&L (1987) dan Prinsip Kerjasama Grice (1975). Dapatan ini juga secara tidak langsung membuktikan bahawa kedua-dua model B&L dan Grice telah diaplikasi untuk membentuk kesantunan ujaran setiap peserta dalam soal-jawab struktur isi bual bicara.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa strategi dan maksim yang diaplikasi berupaya memberi gambaran yang jelas tentang kesantunan berbahasa setiap peserta perbualan melalui padanan kedua-dua strategi kesantunan B&L dan maksim PK Grice. Secara jelas, MPKSM memperlihatkan strategi Kesantunan Positif dan Kesantunan Negatif diaplikasi untuk mencerminkan usaha peserta mewujud dan memelihara keharmonian serta mengelakkan konflik sepanjang perbualan berlangsung agar pendengar berupaya menerima dan memanfaatkan nasihat yang diberikan.

Disamping itu, pematuhan terhadap maksim PK, iaitu maksim Kuantiti pula didapati berupaya menambah kejelasan dan ketepatan maklumat yang ingin disampaikan

oleh peserta kepada pendengar sepanjang komunikasi berlangsung. Padanan maksim PK terhadap strategi B&L ini juga mencerminkan kerjasama yang tinggi oleh mereka dalam usaha memberi dan meningkatkan kefahaman kepada khalayak mengenai cara menangani masalah-masalah yang dikirim oleh pendengar. Hal ini tercapai apabila peserta memberikan maklumat yang berinformatif, sahih atau benar, relevan atau mempunyai perkaitan dengan masalah yang sedang dibincangkan serta menyediakan contoh-contoh yang tersusun dan udah difahami. Ciri-ciri ini menghasilkan suatu komunikasi yang benar-benar bermanfaat kepada pendengar serta mencerminkan keikhlasan dan pekerti mulia penuturnya sepanjang komunikasi berlangsung.

## BIBLIOGRAFI

- Abd. Ganng Laengkang. (2010). *Kesantunan bahasa dalam ceramah motivasi*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Andrea DeCapua et. al. (1993). *Strategies in the discourse of advice*. Journal of Pragmatics 20/519-531. North-Holland.
- Brown, P. & Levinson, S. C. (1987). *Politeness some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Goldsmith, D. J. (2004). *Communicating social support*. Cambridge, UK; New York: Cambridge University Press.
- Grice, H.P. (1975). *Logic and Conversation*. In: *syntax and semantics 3: speech act*, Cole et al. Pp. 41-58. Elsevier.
- Inna Kouper. (2010). *The pragmatic of peer advice in a LiveJournal community*. Languageatinternet.org. vol.7.
- Irma B. Pakpahan et.al. (2013). *An analysis of conversational implicature in smart fm's radio talk show*. Linguistica.Vol.2(4).
- Levin, B. M. (1987). *Talk radio and the American dream*. (D.C Heath, 1987).
- Milan Ferenčík. (2007). *Exercising politeness: Membership categorisation in a radio phone-in programme*. Pragmatics 17:3, 351-370. International Pragmatics Association.
- Mullany, L.J. (1998). *Linguistic politeness and sex differences in broadcast interviews*. Unpublished MA thesis, Univ. of Leeds.
- Richards, J. C & Schmidt, R.W. (2002). *Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistics*. 3<sup>rd</sup> edition. London: Longman Group.
- Siti Nurbaya Mohd. Nor. (2011). *Disagreement strategies of malaysian speakers of english discourse*. Mutilingua- Journal of cross-cultural and interlanguage communication. Vol. 31.
- Suko Winarsih. (2009). *The coorporative and politeness principles in radio broadcasting conversations*. Bahasa dan Seni. Tahun 37/ No.1.
- Zaitul Azma, Z.H, Ahmad Fuad, M.H, & Mohd Nur Hafizudin, M.A. (2011). *Kesantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah*. Jurnal Dewan Bahas, Jilid 11(2), 321-338.